

ning that
our time. Tak
post. Make a

Kepentingan Penubuhan Koperasi Sekolah Oleh: Rasyieqah Abdul Muhaimin

Koperasi sekolah boleh dianggap sebagai tempat yang memberikan perkhidmatan kepada warga sekolah, terutamanya berkaitan dengan keperluan pembelajaran seperti alat tulis dan buku. Pada waktu rehat, pelajar boleh berkunjung ke koperasi sekolah untuk membeli barangan yang diperlukan. Secara umumnya, koperasi sekolah menggunakan konsep sebuah syarikat usahasama yang terdiri daripada beberapa individu, iaitu pelajar dan guru. Sekiranya koperasi sekolah diuruskan dengan baiknya, maka hasil jualan dapat dimanfaatkan oleh warga sekolah. Pada hakikatnya, penubuhan koperasi sekolah mempunyai pelbagai kepentingan.

Antara kemaslahatan (kebaikan) koperasi sekolah termasuklah koperasi ini dapat membantu warga sekolah, terutamanya pelajar. Hal ini dikatakan demikian kerana koperasi sekolah menawarkan harga barangan yang lebih murah. Sebagai contohnya, alat tulis, minuman dan makanan yang dijual di koperasi sekolah jauh lebih murah berbanding dengan harga yang dijual di kedai serbaneka. Sebagai implikasinya (kesannya), secara tidak langsung, usaha ini dapat meringankan beban keluarga si pelajar. Inisiatif (usaha) koperasi sekolah yang menawarkan harga yang berpatutan ini boleh diibaratkan seperti peribahasa berat sama dipikul, ringan sama dijinjing. Izharlah, dapat membantu pelajar koperasi sekolah ini.

Bukan itu sahaja, penubuhan koperasi sekolah juga dapat menjanakan pendapatan sekolah. Hal ini dikatakan demikian kerana hasil jualan barangan akan disalurkan kepada tabung sekolah. Sebagai contohnya, alat tulis, pakaian, makanan dan minuman yang dijual kepada pelajar setiap hari akan mendatangkan keuntungan. Sebagai natijahnya (kesannya), keuntungan ini boleh digunakan oleh pihak sekolah untuk menaik taraf prasarana sekolah dan membantu pelajar yang kurang berkemampuan. Selain itu, keuntungan ini juga boleh diberikan kepada pelajar yang mempunyai pegangan saham dengan koperasi sekolah. Sudah terang lagi bersuluh, sumber kewangan sekolah dapat ditingkatkan menerusi jualan di koperasi sekolah.



@malaylinguist

ning that
our time. Tak
post. Make a



Di samping itu, penubuhan koperasi sekolah juga berupaya untuk memberikan pendedahan kepada pelajar tentang ilmu keusahawanan. Pada kebiasaannya, pelajar yang terlibat dengan koperasi sekolah akan ditugaskan untuk mengatur segala urusan jual beli. Sebagai contohnya, sewaktu rehat, pelajar akan ditugaskan untuk menjadi juruwang, menyemak inventori stok dan sebagainya. Sebagai kesannya, pelajar dapat menimba pengalaman untuk menjalankan perniagaan. Bukan itu sahaja, pelajar akan lebih yakin dan cekap untuk mengurus urusan jual beli. Sesungguhnya, tidak dapat dinafikan bahawa ilmu keusahawanan merupakan kemahiran nilai tambah yang perlu diterokai oleh pelajar sekolah.

Jika diteliti dari perspektif yang lain, penubuhan koperasi sekolah mampu memupuk semangat kerjasama antara ahli koperasi. Semangat ini akan wujud apabila ahli koperasi menjalankan tugas seperti menjaga kaunter, menyemak stok dan melaporkan hasil jualan bersama-sama. Amalan kerjasama ini amat penting kerana laporan kewangan koperasi sekolah yang dihasilkan memerlukan tindakan daripada semua pihak yang bertanggungjawab. Sehubungan dengan itu, keuntungan yang diperoleh dapat dibahagikan secara adil kepada semua ahli koperasi. Izharlah, koperasi sekolah mustahak dalam usaha memupuk nilai-nilai murni.

Sebagai kesimpulannya, terdapat banyak kebaikan penubuhan koperasi sekolah, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Jika koperasi diuruskan dengan baiknya, keuntungan yang tinggi dapat dicapai oleh koperasi sekolah. Hasil ini dapat dikongsikan dengan warga sekolah yang lain sekali gus menjadi institusi contoh kepada masyarakat madani. Dalam erti kata lain, setiap sokongan yang diberikan kepada kemajuan koperasi sekolah akan memberikan faedah yang dapat dinikmati oleh warga sekolah pada masa depan. Sehubungan dengan itu, pihak sekolah, ibu bapa, masyarakat dan kerajaan perlu berganding bahu dalam usaha menyokong setiap inisiatif yang dapat memajukan koperasi sekolah.



s the g
iverse
s also l
nethi
t of s
mos
te a
1



@malaylinguist